

# Kenaikan harga diesel tidak jejas pengangkutan awam

UM - 9 N 2001

Oleh SITI MARIAM MD. ZAIN

ALOR SETAR 8 Nov. — Sektor pengangkutan awam dikenal pasti antara tiga sektor yang tidak terjejas ekoran kenaikan harga diesel seperti yang diumumkan dalam Belanjawan 2002.

Kabinet juga memutuskan kenaikan harga diesel tidak akan melibatkan sektor kerajaan dan nelayan, kata Menteri Pembangunan Usahawan, Datuk Seri Mohamed Nazri Aziz hari ini.

Beliau berkata, keputusan Kabinett yang dibuat semalam itu berikutan rungutan pelbagai pihak termasuk pengusaha perkhidmatan awam bcrhubung ke-

san kenaikan bahan api tersebut.

Serentak dengan itu, beliau memberi amaran kepada pemilik kenderaan awam seperti bas dan teksi bahawa tindakan tegas akan diambil sekiranya mereka menaikkan kadar tambang.

## Persetujuan

Nazri yang mengumumkan keputusan Kabinet itu kepada pemberita selepas Majlis Penyerahan Permit Kereta Sewa dan Teksi di Kota Kuala Kedah, dekat sini, hari ini, berkata:

“Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad telah memberi persetujuan bahawa

kenaikan harga minyak diesel tidak melibatkan tiga sektor ia-itu kerajaan, perkhidmatan pengangkutan dan nelayan.

“Ini bermakna, ketiga-tiga sektor terlibat bdeh mendapatkan keperluan minyak pada harga lama.”

Beliau bagaimanapun tidak pula menjelaskan secara terperinci kaedah pembelian diesel pada harga lama oleh ketiga-tiga sektor tersebut.

Nazri memberitahu contoh, para nelayan boleh mengelakkan kenaikan harga dengan terus membeli diesel yang diperlukan daripada pihak persatuan.

Dalam Belanjawan 2002 yang dibentangkan pada 19 Oktober

lalu, Perdana Menteri yang juga Menteri Kewangan telah mengumumkan harga runcit diesel naik sebanyak 10 sen seliter.

Mengulas lanjut, Nazri berkata: “Macam nelayan, nayalah mereka, begitu juga pemandu teksi, kalau diesel naik, mereka tentu akan juga menaikkan tambang yang dikenakan kepada penumpang.”

Ditanya bagaimana usaha kerajaan untuk memastikan arahan tersebut dipatuhi, beliau berkata, pihaknya akan bekerjasama dengan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna untuk menangani masalah itu.

■ Lihat muka 4

## Kenaikan harga diesel tidak jejas pengangkutan, awam

Beliau turut meminta kerjasama orang ramai agar dapat memantau dan melaporkan segera kepada pihak kementerian terhadap mana-mana individu atau syarikat pengangkutan awam yang sengaja menaikkan tambang.

Sementara itu ketika mengulas tindakan yang telah diambil terhadap pemilik kereta sewa dan teksi yang sengaja menampal logo parti pembangkang di kenderaan masing-masing, beliau berkata, setakat ini tujuh orang telah diberikan amaran.

“Kebanyakan mereka ini membawa teksi di Kuala Lumpur, kita memberi amaran dulu minta agar dia turunkan pelekat itu. Kalau dia ulangi kesalahan, kita akan tarik permit,” ujar beliau.

UM - 9 NOV 2001